

08/07/1998

Pengurusan korporat perlu dikaji semula (HL)

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pengurusan korporat di negara ini dikaji semula berikutan kebanyakan undang-undang, peraturan dan amalan perbankan sedia ada, memburukkan lagi masalah syarikat dalam menghadapi kegawatan ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, peraturan dan undang-undang baru perlu ada, bukan saja bagi mengatasi kelemahan dalam pengurusan korporat sekarang, malah untuk meningkatkan ketahanan syarikat.

"Idea ini (membentuk peraturan dan undang-undang baru) bukan untuk membantu syarikat bermasalah, tetapi bagi membolehkan syarikat yang baik terus terselamat kerana kegagalan mereka bukan disebabkan kesalahan sendiri.

"Ketahanan dan keuntungan mereka bukan saja untuk kebaikan mereka tetapi bagi faedah negara secara keseluruhan. Sudah tentu, kerajaan memerlukan syarikat yang memperolehi keuntungan jika mahu mengisi dana mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika melancarkan sambutan 100 tahun Pendaftar Syarikat dan merasmikan persidangan antarabangsa mengenai pengurusan korporat di sebuah hotel di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, timbalannya, Datuk S Subramaniam dan Pendaftar Syarikat, Datuk Ramly Ali.

Perdana Menteri berkata, pengurusan korporat yang baik tidak boleh semata-mata bergantung kepada undang-undang dan pelaksanaannya, bahkan ia turut memerlukan budaya korporat yang baik.

Kerana itu, apabila Malaysia memutuskan untuk memperluaskan peranan sektor swasta dalam pembangunan negara, kerajaan secara langsung menyediakan segala keperluan bagi memastikan kelancaran fungsi syarikat berkenaan.

"Memang telah diputuskan, kerjasama erat antara kerajaan dan sektor swasta boleh mengembangkan pertumbuhan ekonomi negara ini. Itulah sebabnya kita mencipta konsep Persyarikatan Malaysia, konsep yang menganggap seluruh negara sebagai sebuah syarikat besar yang kerajaan dan sektor swasta bersama pekerjanya, patut menyumbang ke arah kejayaannya.

"Mereka (syarikat korporat) mencipta kekayaan, pekerjaan dan membayar cukai. Mereka adalah angsa yang bertelur emas dan kemampuan mereka untuk terus mengeluarkan telur perlu dipastikan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang, Dr Mahathir mengaku wujud beberapa kelemahan dan penyelewengan dalam pengurusan ekonomi negara.

"Tetapi ia tidaklah lebih buruk daripada kelemahan dan penyelewengan yang berlaku di negara maju ketika cuba membangunkan negara mereka.

"Kapitalisme melampau mereka begitu menekan sehingga mengakibatkan kelas pekerja bangun menentang, dan memberi laluan kepada kebangkitan semula ideologi sosialis dan komunis," katanya.

Malaysia sebaliknya, kata Perdana Menteri, mengamalkan dasar yang lebih tersusun dengan menjadikan pasaran ekonomi sebagai alat penjana sosial dalam usaha memberi pengagihan lebih adil kepada masyarakat pelbagai kaum.

Antara kejayaan yang dicatat ialah melalui projek penswastaan yang berjaya menghapuskan amalan monopoli dan merangsang persaingan yang lebih sihat.

"(Kerana itu) di Malaysia tidak ada keperluan untuk mewujudkan undang-undang antimonopoli dan anti-Trust Law, seperti yang diperlukan oleh

beberapa negara Barat," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Dr Mahathir menjelaskan cadangan untuk menggubal undang-undang baru itu bagi menyelamatkan syarikat yang bermasalah.

"Ramai orang yang bercakap mengenai Seksyen 11 (Kanun Kebankrapan Amerika Syarikat) dan sebagainya. Undang-undang ini adalah untuk menyelamatkan syarikat bermasalah," katanya.

Seksyen 11 Kanun Kebankrapan Amerika Syarikat sedang dikaji untuk disesuaikan dengan undang-undang kebangkrupan di negara ini, bagi menyelamatkan peniaga tulen meneruskan perniagaan mereka dan mengelak daripada dipaksa kreditor supaya 'tutup kedai'.

Mengenai peranan ROC yang mencatat ulang tahun ke-100, Perdana Menteri berkata, badan itu perlu terus memperbaiki pengurusannya, seiring dengan kemajuan sistem teknologi era baru.

"Selama ini ROC memang memainkan peranan penting dalam perkembangan negara, tetapi ia semakin penting sekarang terutama dalam mempromosi pengurusan korporat yang lebih tersusun.

"ROC mesti terus memperbaiki dan meningkatkan sistem operasinya bagi menghadapi cabaran dengan era baru, terutama dalam memenuhi keperluan kerajaan elektronik dalam era perdagangan elektronik tidak lama lagi," katanya.

(END)